"Sometimes I have to use the toilet for the disabled, which is

the only place I can bring in my child and stroller," she said.

Iris said that although the standard of public toilets is improving, what is needed is better access not only for parents but also for those with special needs.

When contacted, Kuala Lumpur City Hall (DBKL) said the top complaints received on public facilities or infrastructure included street lights, housing area lights, potholes and damaged roads.

"In terms of the number of complaints, we can say it is very low. DBKL prioritises providing convenience and comfort to ever-resident and visitor to the city," it said.

Case for concern:

Tourists walking past an unmaintained fountain near Dataran Merdeka in Kuala Lumpur. Many Malaysians say walkways in the country are poorly maintained, have severely uneven paths, potholes or untrimmed vegetation.

— AZMAN GHANI/The Star

Calls grow louder on harsher penalties for polluters

PETALING JAYA: Air Selangor's move to shut down four water treatment plants in Selangor from Tuesday, which led to disruption in seven districts in the Klang Valley, was the right thing to do, says the National Water Services Commission (SPAN).

SPAN chairman Charles Santiago said that the water supply operator's prompt action was necessary to ensure polluted water did not reach consumers.

"We shouldn't jump on Air Selangor for closing down the water treatment plants. Otherwise, the polluted water would reach consumers," he said when contacted.

He stressed that the Water and Irrigation Department (JPS) and the Selangor Water Management Board (Luas) should be responsible for monitoring and managing rivers.

"The Environment Department (DOE) is responsible for the waste and the local council is in charge of the licensing including monitoring," he added.

Selayang Municipal Council president Shahman Jalaludin told *The Star* that the factory responsible for the odour pollution, which resulted in thousands losing access to water from Tuesday, was caused by negligence and has had its licence suspended for seven days.

He said the owner, who is a first-time offender, had also been issued a RM1,000 compound for discharging effluents improperly.

"The owner has been instructed to clean up the discharge before we can allow them to operate."

"This was caused by their carelessness as the substance had leaked out from a broken tank on the premises," he said yesterday.

Fomca president Datuk Dr Marimuthu Nadason has slammed the stakeholders involved in water supply and demanded greater accountability.

Marimuthu said all three parties - SPAN, Air Selangor and Luas - should stop pointing the finger at each other over the matter.

"You are entrusted to carry out this responsibility yet this is still happening," he said.

He added that stricter penalties had to be imposed against perpetrators.

"What is a RM1,000 fine to them? There has to be more, perhaps the penalty of jail term to make people take this seriously," he said.

Sahabat Alam president Meenakshi Raman agreed that the low fine would not deter pollution.

She said that more training and education should be provided to officers to realise that the offences were serious environmental crimes.

"Otherwise, (the fines were) a mere slap on the wrist and it does nothing for the environment," she said.

THE STAR

Tarikh: 25 JUL 2024

Dry taps strain daily life in Klang Valley

PETALING JAYA: While water disruptions are not new in the Klang Valley, some residents here say they were caught off guard by the sudden cut in their areas.

V. Bernard, 62, said he only learned about the water cut when the water pressure started to weaken on Tuesday. He added that his family managed to store only about three pails of water before the supply was fully cut.

"We have a spare water tank, but we didn't manage to fill it up because of the last-minute notice. This disrupted our daily activities.

"We can't cook because of this, and it's a problem for me. I find it difficult to go out for take-away meals," the retired academic said.

Bernard added that while the experience was not unique as he had experienced water cuts multiple times before, it was still a major inconvenience for him.

"We hope that the water supply will resume soon," said Bernard, who lives in Taman Sea here.

Human Resource manager Siti Nurazilah Mustafa who lives in Bandar Puncak Alam said her

family had no time to store water after receiving a short notice about the water disruption.

She said that a notice issued by Air Selangor stated that her area would be affected from Wednesday onwards, however, the water pressure had already started to drop earlier.

"Because of that, we were not able to store adequate water, so we had to forgo washing clothes.

"It is difficult because I have school-going children so I need to do the laundry.

"Thankfully, my siblings live nearby and their neighbourhood

has yet to be affected by the water disruption.

"I am going to them with my laundry or else I will try a self-service laundrette, provided they have water supply," the 42-year-old said.

As of press time, Siti Nurazilah said she has yet to receive any notification from Air Selangor about water tankers being sent to her neighbourhood.

Consultant Ezila Kamari, 37, said while her condominium was not affected by the water cut, her children's schools and daycare centre were affected.

"It is two days now, the mobile app says the estimated recovery for water supply would be this evening.

"As the schools also had no water supply, I had to ensure the kids had extra water bottles for hygiene purposes. My younger kids stayed at home," she added.

The unscheduled water disruption was caused by an acidic odour that was detected at 3.30pm on Monday at Sungai Kuang near Jalan Kampung Orang Asli, Kuang in Gombak by the Selangor Water Management Authority (Luas).



Can't live without it:

A woman collecting water from dispensers provided by Air Selangor at Jalan Harapan in Section 17, Petaling Jaya.
— ART CHEN/
The Star

THE STAR

25 JUL 2024

Tarikh:.....

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thestar.com.my

CHILD negligence is the most common type of abuse in Selangor, says state Social Welfare Department director Azmir Kassim.

He said negligence would include parents who failed to provide education opportunities to their children.

Azmir was speaking at the Selangor Children's Protection and Welfare conference, where nine resolutions were passed pertaining to child neglect and negligence.

"One of the resolutions includes the need to work closely with education authorities in cases where parents do not send their children to school," he said.

Another resolution was to ensure the public remained vigilant over the welfare of children in their neighbourhood.

"It would be great if they can inform our department if they notice anything amiss," said Azmir.

He added that department officers from all nine districts in the state produced one resolution each on issues related to children's protection and welfare at the conference.

Azmir said the resolutions will be presented at a national symposium in September.

A total of 136 officers from the department attended the two-

Nine resolutions passed at conference on children's protection and welfare



Anfaal (seated, centre) and Azmir (on her right) together with Selangor Social Welfare Department officers who attended the two-day conference in Subang Jaya. — LOW BOON TAT/The Star

day conference at a hotel in Subang Jaya.

State women, family empowerment, welfare and care economy committee chairman Anfaal Saari said last year, 2,687 cases related to child abuse were reported in Selangor.

"In the first five months of the year, 1,067 abuse cases were reported.

"The cases comprised physical, sexual, emotional abuse as well as negligence," said Anfaal in her speech at the closing ceremony of the conference.

"These are just the recorded cases and we believe there are many more that go unreported."

She urged neighbours to play a more responsible role by informing the relevant authorities if they suspect child abuse.

"The children must know that society cares for them," Anfaal added.

She said parents with special needs children were sometimes overwhelmed and that the community must extend help when needed.

THE STAR

25 JUL 2024

Tarikh:.....

Penduduk hilang sabar gangguan anjing liar

GANGGUAN anjing liar atau anjing jalanan bukan satu isu kecil kerana haiwan berkenaan sudah mula mengancam keselamatan dan mencederakan orang awam. Apa Khabar Rakyat kali ini menyenaraikan keluhan penduduk di Laman 2 Bandar Seri Putra (BSP), Kajang, Selangor yang berdepan dengan ancaman haiwan tersebut di perumahan majoritinya terdiri daripada masyarakat Islam.

Laman 2 BSP mempunyai kira-kira 800 unit rumah dengan jumlah penduduk sekitar 4,000 orang dan rata-ratanya kecewa apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) seolah-olah tidak bersungguh-sungguh mahu menyelesaikan masalah berkenaan.

Wartawan *Sinar Harian*, MOHD AZLIM ZAINURY yang menemui penduduk dimaklumkan sudah ada kanak-kanak dan remaja cedera termasuk patah tangan angkara serangan anjing liar di situ.

WALAUPUN aduan sudah dibuat dan perangkap telah dipasang namun penduduk mendakwa masalah gangguan anjing liar masih belum dapat diatasi, bahkan jumlah haiwan tersebut terus bertambah dari masa ke masa.

Ahli Jawatankuasa Surau Saidina Umar al-Khattab, Ahmad Nazarudin Mohamad Jawahir, 43, berkata, kemuncak kemarahan penduduk apabila anjing-anjing itu sudah berani memasuki kawasan surau.

"Pintu pagar surau perlu dipastikan sentiasa ditutup, bimbang sekiranya anjing-anjing liar ini terus bebas memasuki kawasan surau," ujarnya ketika ditemui *Sinar Harian*.

Menurutnya, penduduk terus membangkitkan masalah anjing liar kerana ia berkait isu keselamatan dan kebersihan termasuk sudah mengadu kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Ahmad Nazarudin menjelaskan, PBT ada memberikan perhatian dan mengambil tindakan tetapi masih gagal mengatasinya kerana kehadiran anjing liar masih berleluasa sehingga kini.

Ujarnya lagi, penduduk kini sudah hilang sabar dan berharap semoga ada



AHMAD NAZARUDIN



Anjing liar di kawasan perumahan Laman 2 BSP dilihat semakin bertambah.

penyelesaian di peringkat jabatan atau penguatkuasaan agar ancaman anjing liar itu dapat segera diselesaikan.

"Sudah ada dua kes kecederaan ber-

laku dan haiwan ini boleh menjadi ganas yang bukan sekadar mencederakan malah mampu melakukan lebih daripada itu," ujarnya.

Gesa jalan penyelesaian tuntas, elak kecederaan berulang

SEMENTARA ITU, Timbalan Pengerusi Penduduk Laman 2 BSP, Mohamad Nasurdin Talib, 65, berkata, anjing liar mendatangkan bahaya kepada penduduk yang melakukan riadah di kawasan berkenaan.

"Janganlah aktiviti riadah diganggu oleh kehadiran anjing liar. Yang penting jangan ada yang cedera parah baru mahu bertindak," ujar Mohamad Nasurdin.

Ujarnya, semua pihak termasuk yang melindungi haiwan itu diharapkan dapat mencari jalan menangani isu berkenaan dengan mengemukakan cadangan yang membawa kepada jalan penyelesaian.

"Kita faham ada pihak memper tahankan kehadiran anjing liar dengan menyalahkan penduduk melakukan provokasi namun di sini penduduk sebenarnya yang menjadi mangsa," ujarnya.

Bagi Ar Muhamad Bifisol Osman, 58, beliau berharap isu anjing liar ini diselesaikan secara tuntas dan diatasi dengan sebaik mungkin walaupun ada pihak menganggap ia sebagai isu



MOHAMAD NASURDIN



AR MUHAMMAD BIFISOL

yang remeh.

"Penduduk tidak kisah dengan anjing yang dijaga dengan baik oleh pemiliknya. Masalah sekarang ini ialah isu anjing liar ini masalah yang serius."

"Sekiranya penduduk cedera ada atau tidak mana-mana pihak yang akan membantu? Kami harap semua pihak dapat menggembel tenaga mengatasinya," ujarnya.

Dalam pada itu, penduduk turut berharap Ahli Parlimen Bangi, Syahredzan Johan atau Ahli Parlimen Hulu Langat, Mohd Sany Hamzan membangkitkan isu berkenaan di Dewan Rakyat.



Mangsa serangan anjing liar, Shafiq Sharif patah tangan kanan selepas terjatuh ketika melarikan diri daripada anjing liar dalam kejadian pada 21 Mei lalu.



Jasmine Mohd Hasruddin antara anak penduduk yang mengalami kecederaan angkara serangan anjing liar dalam kejadian tahun lalu.



Ahmad Nazarudin (kiri) dan Mohamad Nasurdin menunjukkan perangkap yang dipasang namun gagal menjatuhkan anjing liar di kawasan perumahan mereka.

SH
20/7

Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Jun 2024



MOHD UZIR

KUALA LUMPUR - Inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus pada Jun 2024, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, peningkatan inflasi didorong oleh peningkatan bagi kumpulan utama restoran dan perkhidmatan penginapan sebanyak 3.3 peratus, perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain sebanyak 3.2 peratus.

"Inflasi bagi restoran dan perkhidmatan penginapan meningkat kepada 3.3 peratus (Mei 2024: 3.2 peratus). Ini disebabkan oleh peningkatan dalam subkumpulan utama perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.2 peratus (Mei 2024: 4.1 peratus).

"Sementara itu, inflasi bagi perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain meningkat pada kadar sama seperti bulan sebelumnya pada 3.2 peratus," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Ketua perangkawan itu berkata, peningkatan juga direkodkan dalam penjagaan diri, perlindungan sosial dan pelbagai barangan dan perkhidmatan pada 2.8 peratus, serta makanan dan minuman pada 2.0 peratus.

"Bagaimanapun, pakaian dan kasut, serta insurans dan perkhidmatan kewangan masing-masing turun kepada negatif 0.1 peratus, berbanding bulan sama tahun sebelumnya," katanya.

Mohd Uzir berkata, inflasi bulanan secara keseluruhan bagi Jun 2024 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 peratus yang disebabkan inflasi bagi pengangkutan sebanyak 0.5 peratus, restoran dan perkhidmatan penginapan (0.3 peratus) dan rekreasi, sukan dan kebudayaan (0.3 peratus). - *Bernama*

SINAR HARIAN
Tarikh: 25 JUL 2024



Kesemua aktiviti utama menunjukkan peningkatan pada 2023, terutama pelaburan dalam aset tetap aktiviti perkhidmatan dan pembuatan. - Gambar hiasan

PMTK 2023 bernilai RM314.5 bilion

84
25/7
Tumbuh 5.5 peratus berbanding RM298.2 bilion pada tahun 2022

KUALA LUMPUR

Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) Malaysia mencatatkan RM314.5 bilion dengan harga malar pada 2023 berbanding RM298.2 bilion pada 2022, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam kenyataan pada Rabu, katanya, gabungan tekanan ekonomi global, penyesuaian dasar dalam negara, cabaran sektor khusus dan keadaan kewangan telah memberi kesan signifikan terhadap pertumbuhan sederhana PMTK di Malaysia pada tahun lepas.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri

Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, PMTK kekal sebagai komponen kedua terbesar dalam keluaran dalam negara kasar dengan sumbangan 20.1 peratus daripada jumlah ekonomi keseluruhan.

"PMTK bertumbuh 5.5 peratus pada 2023 berbanding 6.8 peratus pada 2022. Kesemua aktiviti utama menunjukkan peningkatan pada 2023, terutama pelaburan dalam aset tetap aktiviti perkhidmatan dan pembuatan," katanya dalam kenyataan sama.

Prestasi memberangsangkan dalam aktiviti perkhidmatan didorong oleh sub aktiviti pengangkutan dan penyimpanan; maklumat dan komunikasi; dan perdagangan borong dan runcit, dengan masing-masing meningkat 9.9 peratus dan 8.9 peratus pada 2023, katanya.

Sementara itu, aktiviti pembuatan bertumbuh 5.5 peratus pada 2023 (2022: 10.0 peratus).

Menurut DOSM, pertumbuhan

sedehana ini dipengaruhi oleh makanan, minuman dan tembakau iaitu 8.9 peratus (2022: 14.7 peratus), produk elektrik, elektronik dan optikal dan peralatan pengangkutan sebanyak 6.8 peratus (2022: 9.3 peratus); dan produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 4.5 peratus (2022: 8.7 peratus).

Sektor swasta kekal mendominasi PMTK sebanyak 77.2 peratus, dengan pertumbuhan sederhana 4.6 peratus berbanding 7.2 peratus pada 2022.

Sumbangan sektor awam dalam PMTK adalah 22.8 peratus, berkembang kepada 8.6 peratus berbanding 5.3 peratus pada 2022.

"Aktiviti perkhidmatan menyumbang 63.9 peratus (2022: 63.6 peratus) kepada PMTK sektor swasta, diikuti aktiviti pembuatan pada 23.0 peratus. Aktiviti lain menyumbang 13.1 peratus daripada jumlah PMTK," menurut kenyataan itu. - Bernama

SINAR HARIAN
25 JUL 2024

Tarikh:

84
25/7

Tuntutan skim MySalam RM936.12 juta

Libatkan 1.27 juta
penerima STR
melibatkan individu B40

KUALA LUMPUR

Kerajaan telah membayar tuntutan skim perlindungan takaful percuma MySalam berjumlah RM936.12 juta bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, tuntutan itu melibatkan 1.27 juta penerima manfaat merangkumi individu B40 serta pasangan berumur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Beliau berkata, bayaran itu melibatkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, Covid-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

"Pembayaran tuntutan paling tinggi sebanyak RM382 juta dibuat pada 2022 yang memberi manfaat kepada 650,000 penerima, diikuti pada 2021 dengan tuntutan RM246.72 juta melibatkan 365,000 penerima," katanya ketika sidang Dewan Negara pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan



Hui Ying ketika Persidangan Dewan Negara sempena Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kelima Belas di Bangunan Parlimen pada Rabu.

Senator Dr Lingeshwaran R Arunasalam mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Hui Ying berkata, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim MySalam tahun ini.

"Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor sebanyak 1.34 juta dan Sarawak dengan 1.13 juta, manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan ialah 825,000 orang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, bilangan pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans nyawa untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019

sehingga 2023 secara purata ialah 2.14 juta setahun.

"Potongan itu memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun," katanya.

Beliau berkata, purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh sama adalah dua juta setahun dengan memberi penjimatan cukai berjumlah RM611 juta setahun.

Hui Ying berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang telah menikmati potongan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun lepas.

- Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh:2.5...JUL...2024....

Pasport Malaysia ke-12 berkuasa

Pemegang pasport dibenarkan melakukan perjalanan tanpa visa ke 182 buah negara

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Pasport Malaysia berada di tempat ke-12 dalam ranking pasport global terkini, jatuh satu anak tangga berbanding kedudukan ke-11 sebelumnya berdasarkan Indeks Pasport Henley.

Menerusi indeks yang dikemas kini setiap bulan dan merangkumi 199 pasport berbeza itu, pemegang pasport Malaysia dibenarkan melakukan perjalanan tanpa visa ke 182 buah negara sahaja daripada 227 destinasi di seluruh dunia.

Indeks tersebut dikeluarkan berdasarkan data terkumpul oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) dan dianggap sebagai rujukan standard buat pengguna di seluruh dunia yang mahu menilai tahap kekuatan pasport negara masing-masing.

Difahamkan, pasport Malaysia pernah menduduki tempat kelapan iaitu

	PASPORT	SKOR VISA
1	Singapura	195
2	Perancis	192
	Jerman	
	Itali	
	Jepun	
	Sepanyol	
3	Austria	191
	Finland	
	Ireland	
	Luxembourg	
	Belanda	
	Korea Selatan	
	Sweden	

dalam kedudukan 10 teratas negara paling berkuasa di dunia pada 2014.

Sementara itu, Singapura mengekalkan kedudukan teratas iaitu di tangga pertama menjadikannya pasport paling berkuasa dan rakyat dapat melawat serta mengakses 195 negara tanpa me-

	PASPORT	SKOR VISA
4	Belgium	190
	Denmark	
	New Zealand	
	Norway	
	Switzerland	
	United Kingdom	
5	Australia	189
	Portugal	
6	Greece	188
	Poland	
7	Kanada	187
	Republik Czech	
	Hungary	

merlukan visa.

Perancis pula berada di kedudukan kedua diikuti Jerman, Itali, Jepun dan Sepanyol iaitu kebolehan mengakses perjalanan tanpa visa ke 192 negara.

Negara di tangga ketiga ialah Austria, Finland, Ireland, Luxembourg, Belanda,

	PASPORT	SKOR VISA
	Malta	
8	Amerika Syarikat	186
9	Estonia	185
	Lithuania	
	Emiriah Arab Bersatu	
10	Iceland	184
	Latvia	
	Slovakia	
	Slovenia	
11	Croatia	183
12	Liechtenstein	182
	MALAYSIA	

Korea Selatan dan Sweden dengan kebenaran ke 191 negara.

Antara negara Asean lain, Brunei menduduki tangga ke-19, Thailand ke-60, Indonesia ke-65, Filipina ke-73, Kemboja ke-86, Vietnam ke-88, Laos ke-90 serta Myanmar ke-92.

SINAR HARIAN
25 JUL 2014

Tarikh:

Kuala Lumpur: Tujuh penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ditahan, dipercayai menerima rasuah bagi melindungi premis ali baba, direman selama lima dan tujuh hari.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Amira Abd Aziz yang membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, kelmarin.

Lima anggota penguat kuasa direman selama lima hari sehingga 27 Julai sementara dua lagi anggota penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga 29 Julai.

Isnin lalu, media melaporkan lapan penguat kuasa PBT yang menjadi 'petualang' negara ditahan di sekitar Kuala Lumpur selepas disyaki menutup mata dan gagal mengambil tindakan terhadap premis menggunakan lesen ali baba serta menggajikan warga asing.

Namun seorang suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangannya direkodkan, kata Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin.

Beliau mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek dan kes diasas mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

SPRM Kuala Lumpur menahan semua individu berkenaan menerusi Op



TUJUH anggota penguat kuasa di ibu kota dibawa oleh SPRM ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur untuk direman, kelmarin.

LINDUNGI PREMIS ALI BABA

Tujuh penguat kuasa PBT direman

Orange susulan pendedahan eksklusif Harian Metro bermula 7 Jun lalu di muka depan bertajuk Wang Ekses dan satu lagi Ali Baba kebal yang disiarkan pada 16 Julai lalu mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dan berselindung di sebalik lesen warga tempatan.

Susulan tangka-

pan terhadap semua suspek, SPRM turut menyita wang tunai RM40,000.

Sebelum ini, SPRM dilaporkan melancarkan operasi besar-besaran bagi menahan anggota penguat kuasa di PBT yang melindungi premis perniagaan warga asing.

Seorang suspek dilepaskan dengan jaminan SPRM

INFO

Sebelum ini, SPRM dilaporkan melancarkan operasi besar-besaran bagi menahan anggota penguat kuasa di PBT yang melindungi premis perniagaan warga asing.

Seri Ahmad Khusairi Yahaya dilaporkan berkata, pihaknya akan menjalankan operasi di sekitar ibu negara.

Difahamkan, SPRM turut menyasarkan warga tempatan yang 'mengalibabakan' lesen perniagaan kepada warga asing.

HARIAN METRO
25 JUL 2024

SKIM MYSALAM

Hm 25/7

Bayar tuntutan RM936.12 juta

Kuala Lumpur

Kerajaan membayar tuntutan skim perlindungan takaful percuma MySalam berjumlah RM936.12 juta bagi tempoh 2019 hingga Disember tahun lalu.

Timbalan Menteri Kewangan Lim Hui Ying berkata, tuntutan itu membabitkan 1.27 juta penerima manfaat merangkumi individu B40 serta pasangan

Bernama

berumur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Beliau berkata, bayaran itu adalah tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, Covid-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

"Pembayaran tuntutan paling tinggi sebanyak RM382 juta dibuat pada 2022, yang memberi manfaat kepada 650,000 penerima, diikuti pada 2021 de-

ngan tuntutan RM246.72 juta melibatkan 365,000 penerima," katanya di persidangan Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Senator Dr Lingeshwaran R Arunasalam** mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Lim berkata, dianggarkan lebih 10.92 juta ra-

kyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim MySalam tahun ini.

"Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor sebanyak 1.34 juta dan Sarawak dengan 1.13 juta,

manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan

ialah 825,000 orang," katanya.

Selain itu, beliau berkata, bilangan pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans nyawa untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019 sehingga tahun lalu secara purata ialah 2.14 juta setahun.

"Potongan itu memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun," katanya.

Katanya, purata pembayar cukai yang menuntut

potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh yang sama ialah dua juta setahun, dengan memberi penjimatan cukai berjumlah RM611 juta setahun.

Lim berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Senator Datuk Seri Zurainah Musa** mengenai jumlah individu yang telah menikmati potongan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun lalu.

Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta

HARIAN METRO
25 JUL 2024
Tarikh:

Golongan berpendapatan isi rumah kurang RM100,000 bakal terima manfaat

mySalam diperluaskan kepada M40

**DEWAN
NEGARA**

Oleh AHMAD SHAHERMAN
SHAMSURI

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan memperluaskan skim perlindungan kesihatan masyarakat (mySalam) kepada golongan M40 yang berpendapatan isi rumah kurang RM100,000.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, perkara berkenaan akan dipertimbangkan oleh Lembaga Pemegang Amanah mySalam sebelum diputuskan kerajaan.

Katanya, hal ini kerana, sebelum ini berdasarkan Surat Ikatan Amanah mySalam, manfaat skim ini hanya dihususkan kepada golongan B40 sahaja.

"Walaupun kerajaan telah memutuskan supaya skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 pada 2019, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada 2020 berikutan penularan wabak Covid-19 dan



GOLONGAN M40 bakal menerima faedah skim mySalam apabila skim berkenaan diperluaskan. – GAMBAR HIASAN

kesannya yang lebih kepada golongan B40.

"Kewajaran sama ada skim mySalam ini diperluaskan kepada golongan M40 akan dipertimbangkan oleh lembaga pemegang amanah skim berkenaan sebelum diputuskan oleh kerajaan," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff yang bertanyakan sama ada kerajaan berhasrat memperluaskan skim mySalam kepada golongan

M40.

Hui Ying berkata, setakat ini, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia yang terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim mySalam.

"Berdasarkan pecahan, Selangor mencatat jumlah pener-

Info mySalam

- Skim perlindungan takaful percuma golongan B40
- Diperkenalkan sejak tahun 2019
- Terbuka kepada pasangan berumur 18 hingga 65 tahun
- Penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR)
- Penerima layak dapat manfaat hospitalisasi RM50 sehari
- Layak terima RM8,000 secara one-off jika didiagnosis 45 penyakit kritikal
- Bantuan kos peranti perubatan dengan had kelayakan RM30,000

ima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor (1.34 juta) dan Sarawak (1.13 juta).

"Sementara bilangan penerima layak bagi Kelantan adalah 825,000 orang," ujarnya.

Pada masa sama, beliau memberitahu, skim mySalam telah dilanjutkan pelaksanaannya bagi tempoh dua tahun sehingga tahun depan selaras dengan pengumuman semasa sesi Belanjawan 2024.

KOSMO

Tarikh: **25 JUL 2024**

Kerajaan bayar tuntutan MySalam RM936.12j

Kuala Lumpur: Kerajaan membayar tuntutan skim perlindungan takaful percuma MySalam berjumlah RM936.12 juta bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata tuntutan itu membabitkan 1.27 juta penerima manfaat merangkumi individu B40 serta pasangan berumur 18 hingga 65 tahun yang juga penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Beliau berkata, bayaran itu membabitkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, COVID-19 dan tuntutan kos peranti perubatan.

"Pembayaran tuntutan paling tinggi sebanyak RM382 juta dibuat pada 2022, yang memberi manfaat kepada 650,000 penerima, diikuti pada 2021 dengan

tuntutan RM246.72 juta melibatkan 865,000 penerima," katanya pada persidangan Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Senator Dr Lingeshwaran R Arunasalam mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Hui Ying berkata, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat daripada skim MySalam tahun ini.

"Selangor mencatatkan jumlah penerima layak paling tinggi, iaitu 1.48 juta diikuti Johor sebanyak 1.34 juta dan Sarawak dengan 1.13 juta, manakala bilangan penerima layak bagi Kelantan ialah 825,000 orang," katanya.

Selain itu, beliau berkata bilangan pembayar cukai yang me-



Hui Ying pada persidangan Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

nuntut potongan cukai bagi premium insurans nyawa untuk tempoh lima tahun mulai tahun taksiran 2019 sehingga 2023 secara purata ialah 2.14 juta setahun.

Potongan itu memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun, katanya.

Beliau berkata purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh yang sama ialah dua juta setahun, dengan memberi penjimatan cukai berjumlah RM611 juta setahun.

Hui Ying berkata demikian bagi menjawab pertanyaan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang menikmati potongan cukai bagi insurans perubatan dan nyawa dalam tempoh lima tahun lalu.

BERNAMA

BERITA HARIAN
25 JUL 2024
Tarikh.....

Pemindahan kepada AI perlu ditangani dengan bijak



Pensyarah Kanan,
Jabatan Keselamatan
Maklumat dan
Teknologi Web,
Universiti Tun
Hussein Onn Malaysia
(UTHM)

Oleh Dr Noor Zuraidin Mohd Safar
bhrencana@bh.com.my

Landskap penyelesaian kerja berkembang pesat dengan kemunculan kecerdasan buatan (AI) dikenali sebagai AI Generatif, sekali gus merevolusikan pelbagai sektor dengan mengautomatiskan proses kreatif, meningkatkan produktiviti dan menyediakan penyelesaian inovatif.

Justeru, banyak organisasi melalui proses peralihan daripada kaedah kerja konvensional kepada automasi berasaskan AI tetapi ia memerlukan keseimbangan antara kedua-duanya.

Penyelesaian kerja konvensional sudah lama bergantung pada kepakaran manusia, proses manual dan protokol. Ia sehati dalam budaya organisasi dan terbukti berkesan.

Kaedah konvensional ini juga menawarkan kebolehpercayaan, sentuhan manusia dan keupayaan mengendalikan tugas yang memerlukan kecerdasan emosi serta pertimbangan etika.

AI Generatif pula ibarat pendatang baharu menggunakan algoritma pembelajaran mesin untuk menjana kandungan, reka bentuk dan penyelesaian yang meniru kreativiti manusia.

Daripada mendraf e-mel dan mencipta seni kepada menulis kod atau pengaturcaraan komputer, membangunkan strategi perniagaan dan pelbagai lagi kebolehan boleh diterbitkan melalui AI Generatif ini.

Kepantasan, kepelbagaian dan kecekapan ditawarkan tiada tandingan, menjadikannya nilai tambahan menarik kepada suasana kerja moden serta maju.

AI Generatif menawarkan banyak faedah dan kelemahan perlu dipertimbangkan organisasi apabila menyepadukan teknologi ini ke dalam aliran kerja serta operasi harian.

Dari segi faedah, AI Generatif meningkatkan ke-

cekapan dan produktiviti secara ketara dengan memproses sejumlah besar data dengan cepat, menghasilkan *output* memerlukan manusia lebih lama untuk menjana.

Keupayaan ini membolehkan pekerja memberi tumpuan kepada tugas lebih strategik dan kompleks. Selain mengautomatiskan tugas berulang dan memakan masa, perniagaan boleh mencapai penjimatan kos terutama kepada syarikat pemula atau perniagaan kecil sering menghadapi sumber terhad.

Kelemahan AI Generatif

AI Generatif juga memupuk inovasi dengan menyediakan perspektif dan penyelesaian baharu mungkin tidak dapat dilihat serta-merta, menganalisis corak serta arah aliran untuk mencadangkan produk, perkhidmatan atau strategi baharu.

Ia juga menawarkan kebolehskalaan kerana mudah meningkatkan operasi untuk mengendalikan peningkatan beban kerja tanpa memerlukan peningkatan berkadar dalam keperluan sumber manusia.

Namun, AI Generatif mempunyai kelemahan, iaitu kekurangan kecerdasan emosi kerana



tidak dapat memahami dan bertindak balas terhadap emosi manusia. Tugas memerlukan empati, kecerdasan emosi dan pertimbangan beretika kekal di luar kemampuannya.

Satu lagi kebimbangan ialah kawalan kualiti kerana meskipun AI boleh menjana kandungan dengan cepat, kualiti mungkin tidak selalu memenuhi piawaian dikehendaki.

Keperluan pengawasan manusia untuk memastikan ketepatan dan kesesuaian masih lagi relevan, apatah lagi automasi tugas AI boleh membawa kepada perpindahan kerja, terutama dalam peranan membabitkan rutin dan berulang.

Penggunaan AI juga menimbulkan kebimbangan keselamatan dan etika, terutama privasi serta keselamatan data. Memastikan sistem AI telus dan bertanggungjawab adalah penting untuk mendapatkan kepercayaan orang ramai.

Dalam usaha mengimbangi penyelesaian kerja konvensional dengan Generatif AI, ia memerlukan pendekatan bijak. Organisasi mesti menyepadukan AI dengan cara melengkapkan kebolehan manusia, bukannya menggantikannya.

Ini membabitkan proses mengenal pasti tugas boleh diautomatiskan dengan cekap sambil mengekalkan peranan memerlukan gerak hati manusia, kreativiti dan empati.

Justeru, sinergi antara manusia dengan AI mempunyai potensi besar. Program latihan dan pembangunan akan menjadi penting untuk melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran diperlukan.

Walaupun AI Generatif menawarkan faedah ketara, integrasi ke tempat kerja perlu didekati dengan berhati-hati dan berpandangan jauh. Potensi AI Generatif untuk mengautomatiskan tugas kompleks, menjana kandungan kreatif dan menganalisis sejumlah besar data boleh merevolusikan proses kerja, tetapi tanpa perancangan teliti, ia boleh menyebabkan pemindahan pekerjaan, ketidakseimbangan etika dan kehilangan elemen manusia dalam bidang tertentu.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 25 JUL 2024...

Hukum 'kutu sampah' termasuk warga asing

Mohamed Azlan Ahmad Zambry,
Pelajar Ijazah Sarjana
Muda Komunikasi
Antarapersonal,
Universiti Teknologi
MARA (UTM)

Kebersihan alam sekitar menjadi penunjuk kritikal terhadap isu kesihatan dan kebolehhunian bandar tetapi malangnya masalah kurang penghayatan warganya dan penguatkuasaan dilihat masih berlembut hingga ramai, termasuk warga asing bersikap sambil lewa terhadap sampah.

Kerajaan sebenarnya sudah berbelanja banyak wang dalam memberikan pengetahuan dan memupuk kesedaran tetapi ia ibarat mencurah air ke daun keladi berikutan pemikiran mundur 'kutu sampah' membuang sampah di merata-rata.

Malah, ada memberikan alasan kerajaan sudah melantik kontraktor pembersihan yang ditugaskan membersihkan kawasan ditentukan.

Realitinya, pembabitan masyarakat diperlukan untuk mengekalkan kebersihan bandar. Komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu menganjurkan acara serta kempen kebersihan untuk memupuk budaya bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Inisiatif ini bukan sahaja dengan membersihkan ruang awam, bahkan mendidik masyarakat terhadap kaedah pelupusan sampah dengan mengamalkan kitar semula.

Tidak dinafikan kesedaran masyarakat awam meningkat beberapa tahun kebelakangan ini semakin ramai rakyat mengiktiraf kesan sisa terhadap alam sekitar dan kesihatan mereka.

Kempen pendidikan di sekolah dan media menyumbang kepada kesedaran ini, malah ia diterjemah dalam beberapa program, terutama membabitkan kawasan perumahan dan ruangan awam.

Namun, antara isu yang boleh memperlahankan usaha ini adalah kualiti perkhidmatan pengurusan sisa dilihat tidak konsisten. Walaupun sesetengah kawasan memperlihatkan kutipan sampah dan pembersihan kawasan kerap, masih ada lagi kawasan mengalami perkhidmatan kurang dipercayai.

Ketidakselarasan ini boleh membawa kepada masalah setempat dengan pengumpulan sampah dan pembuangan sampah haram.

Sikap orang ramai terhadap pembuangan dan pelupusan sampah turut memberikan cabaran, terutama di kawasan bandar. Ini disebabkan sikap kebergantungan terhadap perkhidmatan penjagaan kebersihan sangat tinggi, namun pada masa sama kurang menekankan tanggungjawab individu.

Lambakan sampah haram

Lambakan sampah haram juga terus menjadi isu, terutama di kawasan kurang kelihatan atau kurang kerap dikunjungi. Semasa cuti umum atau tempoh perkhidmatan kutipan sampah dikurangkan, masalah itu dilihat lebih ketara sehingga menyakitkan mata.

Media dan portal berita sering mengetengahkan isu sampah, terutama selepas acara tertentu seperti sambutan ambang tahun baharu dan Hari Kemerdekaan.

Penghasilan sampah pula semakin meningkat saban tahun hingga memberikan imej negatif terhadap negara.

Justeru, sudah sampai masa kerajaan lebih bertegas menguatkuasakan undang-undang menangani masalah pembuangan sampah tanpa kawalan ini. Majoriti rakyat terdidik dan peka terhadap alam sekitar akan menyokong usaha berkenaan demi melihat Malaysia menjadi lebih bersih.

Lihat sahaja Singapura, ramai rakyat kita berkunjung ke negara itu pasti akan menceritakan bagaimana ketatnya penguatkuasaan undang-undang hingga berkesan mendidik rakyat, malah pelancong asing turut sama peka kerana khuatir disaman pihak berkuasa.

Justeru, sudah tiba masanya penguat kuasa di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) menguatkuasakan undang-undang dengan lebih proaktif supaya persekitaran terjaga.

Hukuman terhadap kutu sampah warga tempatan ini perlu dikenakan kompaun maksimum disebabkan mereka sudah dididik mengenai kepentingan menjaga alam sekitar dari pelbagai peringkat sejak dari bangku sekolah.

Bagi warga asing bekerja di negara ini, kompaun maksimum perlu diberikan supaya mereka memperoleh pengajaran tidak membawa budaya pengotor ke negara ini.

BERITA HARIAN
25 JUL 2024
Tarikh.....

Majikan, pekerja perlu wujudkan standard kerja jarak jauh

Mohamad Faruq Irfan Mohamed Johari,

Sarjana Muda
Pengurusan Dengan
Pelancongan, Fakulti
Kepimpinan Dengan
Pengurusan, Universiti
Sains Islam Malaysia
(USIM)

Pandemik mempercepat perubahan dalam tabiat kerja kita, menjadikan kerja jarak jauh daripada keistimewaan kecil kepada keperluan arus perdana. Kini, apabila dunia mula menyesuaikan diri dengan normal baharu, kerja jarak jauh kekal menjadi topik hangat, membawa peluang dan cabaran.

Kerja jarak jauh bukanlah baharu tetapi keluasannya meningkat secara mendadak. Sebelum pandemik,

hanya sebahagian kecil tenaga kerja menikmati fleksibiliti bekerja dari rumah.

Hari ini, berjuta-juta mengalaminya, malah ramai enggan kembali kepada cara lama. Perubahan besar ini mendorong kita meneliti bagaimana kerja jarak jauh mengubah kehidupan kita.

Antara kelebihan terbesar kerja jarak jauh adalah fleksibiliti. Pekerja boleh menyesuaikan jadual kerja mengikut komitmen peribadi, membawa kepada keseimbangan kerja dan kehidupan lebih baik.

Kajian menunjukkan pekerja jarak jauh sering melaporkan produktiviti lebih tinggi. Bebas daripada gangguan di pejabat, ramai mendapati mereka boleh menyelesaikan lebih banyak kerja dalam masa lebih singkat.

Kedua-dua pihak pekerja dan majikan memperoleh faedah kewangan daripada kerja jarak jauh. Pekerja menjimatkan kos perjalanan dan pakaian kerja, manakala syarikat mengurangkan perbelanjaan untuk ruang pejabat dan utiliti.

Ini adalah situasi menang-menang yang juga memberi manfaat kepada alam sekitar dengan mengurangkan jejak karbon.

Namun, fleksibiliti menjadikan kerja jarak jauh menarik juga membawa cabaran besar. Tanpa sempadan jelas antara pejabat dengan rumah, kerja mudah melimpah ke masa peribadi, membawa kepada kerja berlebihan dan keletihan. Kemudahan bekerja dari rumah boleh menjadi pedang bermata dua.

Boleh jejas kesihatan mental

Pengasingan sering mengiringi kerja jarak jauh boleh menjejaskan kesihatan mental. Interaksi sosial, walaupun perbualan sederhana di kawasan rehat, ia memainkan peranan penting dalam kesejahteraan kita. Pekerja jarak jauh mungkin terlepas perkara ini, membawa kepada perasaan kesepian dan terputus hubungan.

Menjaga keteguhan pasukan adalah satu lagi cabaran. Mesyuarat maya tidak boleh sepenuhnya menggantikan interaksi bersemuka spontan memupuk kerjasama dan inovasi. Syarikat perlu mencari cara baharu untuk memastikan pasukan mereka kekal berhubung dan bermotivasi.

Kita ambil contoh sebuah syarikat teknologi baharu menerima kerja jarak jauh. Pada mulanya, produktiviti meningkat dan pekerja gembira. Namun, dari masa ke masa, kekurangan interaksi bersemuka menyebabkan salah faham dan penurunan semangat pasukan.

Sebaliknya, firma perundingan sudah lama bertapak berjaya mengekalkan standard tinggi

dengan melaksanakan pemeriksaan berkala secara maya dan aktiviti membina pasukan, menggambarkan pengalaman berbeza dalam kerja jarak jauh.

Pemimpin perniagaan, profesional sumber manusia (HR) dan ahli psikologi bersetuju bahawa masa depan kerja adalah hibrid. Ia mencari keseimbangan tepat. Pakar mencadangkan dasar jelas untuk menetapkan sempadan antara kerja dengan kehidupan rumah. Pemeriksaan berkala dan acara sosial maya boleh membantu mengekalkan rasa komuniti.

Bagi kerja jarak jauh berjaya, kedua-dua majikan dan pekerja perlu menyesuaikan diri. Majikan perlu mempromosikan budaya kerja sihat, menggalakkan rehat kerap dan menyokong inisiatif kesihatan mental.

Pekerja pula harus mewujudkan ruang kerja khas, menetapkan rutin dan sempadan untuk melindungi masa peribadi.

Revolusi kerja jarak jauh akan terus kekal. Ketika kita meneroka landskap baharu ini, penting untuk mengimbangi produktiviti dengan kesejahteraan. Syarikat mengutamakan kesihatan dan kebahagiaan pekerja mereka bukan sahaja akan berjaya tetapi menetapkan standard baharu untuk masa depan kerja.

Dalam menerima kerja jarak jauh, kita mempunyai peluang mentakrifkan semula tempat kerja dengan lebih baik. Mari kita pastikan fleksibiliti tidak mengorbankan kesejahteraan kita, sebaliknya berusaha mencari gabungan harmoni yang memberi manfaat kepada semua.

BERITA HARIAN
Tarikh... 25 JUL 2024

SC gesa kualiti audit tinggi entiti kepentingan awam

Firma audit digesa mem-
pergiat usaha untuk men-
capai prestasi yang kon-
sisten merentas semua
tugasan audit entiti kepen-
tingan awam (PIE), kata
Suruhanjaya Sekuriti Ma-
laysia (SC).

SC dalam kenyataan se-
malam turut menekankan
kepentingan membangun
bakat dan menangani
kebimbangan beban kerja
kakitangan untuk men-
gekalkan audit berkualiti
tinggi secara konsisten.

PIE antara lain terma-
suk syarikat senaraian
awam atau syarikat yang
disenaraikan di pasaran
saham.

"Kualiti audit adalah
tanggungjawab bersama,
justeru Lembaga Peman-
tauan Audit (AOB) terus
bekerjasama dengan pihak
berkepentingan utama un-
tuk memacu penambah-

baikan dalam ekosistem
pelaporan kewangan," ka-
tanya.

Laporan Pemeriksaan
Tahunan AOB 2023 mema-
klumkan terdapat sedikit
peningkatan dalam pre-
stasi juruaudit pada tahun
sama.

Menurut laporan itu,
terdapat penurunan dalam
peratusan tugasan diperik-
sa yang disalurkan untuk
penguatkuasaan, kepada 16
peratus pada 2023 daripada
18 peratus pada 2022.

Bagaimanapun, terda-
pat peningkatan keseluru-
han dalam tugasan yang
memerlukan langkah pe-
mulihan khusus, iaitu
perkara yang diawasi oleh
AOB dengan teliti.

"Langkah ini, yang dike-
nakan ke atas firma audit
dan rakan kongsi tugasan,
bertujuan memacu penin-
gkatan dalam bidang kera-

guan profesional juruaudit
dan kepakaran teknikal
dalam piawaian pengaudi-
tan dan perakaunan yang
berkaitan," katanya.

Menurut kenyataan itu,
pemeriksaan AOB pada
2023 meliputi penilaian 50
rakan kongsi dan 50 tuga-
san audit merentas 15 firma
audit, termasuk sembilan
firma audit utama.

Firma ini mengaudit 78
peratus daripada jumlah
keseluruhan syarikat ter-
senarai awam (PLC), me-
wakili 95 peratus daripada
jumlah permodalan pasa-
ran PLC di Malaysia.

Sembilan firma audit
utama itu turut secara
kolektif mengaudit 1,188
kumpulan wang jadual
(SF) dengan nilai aset ber-
sih (NAB) sebanyak RM675
bilion, iaitu 97 peratus da-
ri pada jumlah NAB SF di
Malaysia.

BERITA HARIAN
Tarikh..... 25 JUL 2024...

Inflasi terkawal bulan pertama penyasaran subsidi diesel

Kemungkinan peniaga naikan harga masa akan datang tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Impak daripada pelaksanaan pelarasan subsidi diesel pada 10 Jun 2024 dilihat agak minimum apabila kadar inflasi Malaysia kekal 2.0 peratus bulan lalu.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pemberat diesel di dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah hanya 0.2 peratus dan angka yang kecil itu menunjukkan bahawa penggunaan bahan api terdapat dalam kalangan pengguna secara relatifnya adalah kecil.

Namun, beliau menegaskan bahawa ini bukan bermakna kesan kepada tingkat harga barang tidak signifikan memandangkan bahan api diesel banyak digunakan oleh peniaga.

"Justeru, kemungkinan pe-

niaga untuk menaikkan harga pada masa akan datang adalah tinggi," katanya kepada BH.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dalam satu kenyataan berkata peningkatan inflasi pada Jun 2024 didorong oleh kenaikan bagi kumpulan utama restoran & perkhidmatan penginapan (3.3 peratus); perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (3.2 peratus); penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan (2.8 peratus) dan makanan & minuman (2.0 peratus).

Beliau berkata, inflasi pengangkutan meningkat 1.2 peratus pada Jun 2024 berbanding 0.9 peratus pada Mei 2024.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh subkumpulan utama pengurusan peralatan pengang-

kutan persendirian yang meningkat kepada 1.7 peratus pada Jun 2024. Kerajaan menetapkan harga runcit baharu bagi diesel iaitu RM3.35 seliter berbanding RM2.15 seliter bermula 10 Jun 2024 untuk Semenanjung.

"Manakala, harga runcit diesel bagi Sabah, Sarawak dan Labuan kekal pada RM2.15 seliter. Di samping itu, purata harga petrol tanpa plumbum RON97 pada Jun 2024 adalah RM3.47 seliter berbanding RM3.37 seliter pada Jun 2023 dan RM3.47 seliter pada Mei 2024," katanya.

Inflasi restoran meningkat

Mohd Uzir berkata, kumpulan pakaian & kasut dan insurans & perkhidmatan kewangan masing-masing mencatatkan penurunan kepada -0.1 peratus berbanding bulan yang sama

tahun sebelumnya.

"Inflasi restoran dan perkhidmatan penginapan meningkat kepada 3.3 peratus. Ini disebabkan oleh peningkatan subkumpulan utama perkhidmatan penyediaan minuman kepada 4.2 peratus.

"Manakala, inflasi perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain meningkat pada kadar yang sama seperti bulan sebelumnya pada 3.2 peratus. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh subkumpulan bekalan air & pelbagai perkhidmatan berkaitan rumah kediaman, 32.1 peratus," katanya.

Menurut DOSM, inflasi bagi penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan & perkhidmatan meningkat 2.8 peratus pada Jun 2024 berbanding 3.0 peratus pada Mei 2024.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh kelas perbelanjaan barang kemas & jam tangan kepada 15.3 peratus. Kumpulan makanan & minuman yang menyumbang 29.8 peratus daripada keseluruhan wajaran IHP mencatatkan peningkatan 2.0 peratus pada Jun 2024.

"Subkumpulan utama makanan di rumah meningkat 0.9 peratus pada Jun 2024 berbanding 0.5 peratus pada bulan sebelumnya," katanya.

Sementara itu, Mohd Uzir berkata kebanyakan negeri merekodkan peningkatan di bawah paras inflasi nasional 2.0 peratus.

"Bagaimanapun, empat negeri merekodkan peningkatan melebihi paras inflasi nasional iaitu Pulau Pinang (3.3 peratus), Sarawak (2.7 peratus), Pahang (2.7 peratus) dan Selangor (2.4 peratus)," katanya.

Bagi perbandingan dengan negara-negara terpilih, inflasi di Malaysia adalah lebih rendah berbanding Vietnam (4.3 peratus), Filipina (3.7 peratus), Indonesia (2.5 peratus) dan Korea Selatan (2.4 peratus).

Namun, kadar itu lebih tinggi berbanding Thailand (0.6 peratus) dan China (0.2 peratus).

Kemungkinan peniaga untuk menaikkan harga pada masa akan datang adalah tinggi

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi Bank
Muamalat Malaysia Bhd

Inflasi restoran dan perkhidmatan penginapan meningkat kepada 3.3 peratus

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan
Malaysia

Penambahbaikan perundangan buli siber akan diumumkan

Putrajaya: Kerajaan akan membuat pengumuman mengenai penambahbaikan perundangan berkaitan buli siber dalam masa terdekat.

Ketika ini, Kementerian Digital, Kementerian Komunikasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) sudah memulakan perbincangan berhubung perkara itu.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo, berkata sesi perbincangan jawatankuasa yang ditubuhkan hasil gabungan empat kementerian berkenaan berlangsung dengan baik.

"Kita sudah mengenal pasti

isu dan secara berperingkat kita akan umumkan dalam tempoh terdekat," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Kaji semula bujukan

Gobind turut memberi jaminan, kerajaan memandang serius perkara itu menerusi langkah-langkah seperti pengukuhan undang-undang sedia ada.

"Antaranya berkaitan hukuman yang dilihat perlu dikaji semula kerana kesalahan yang berlaku adalah serius.

"Walaupun kita sangat menggalakkan semua pihak menukar cara hidup ke arah digital, kita tidak sesekali berkompromi dalam aspek keselamatan. Kita ti-

Pasukan khas kaji pinda Akta 574 atasi buli siber



Keratan akhbar BH Isnin lalu.

dak akan bertoleransi dengan pembuli," katanya.

Ahad lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said dilapor berkata, pasukan khas sudah ditubuhkan bagi membincangkan cadangan meminda Ka-

nun Keseksaan (Akta 574), khusus untuk membanteras buli siber.

Pasukan khas menggabungkan empat kementerian berkenaan akan memperhalusi perkara yang dibangkitkan berhubung buli siber, disusuli cadangan penganjuran satu seminar antarabangsa berkait undang-undang keselamatan dalam talian.

Desakan penggubalan undang-undang baharu itu ekoran kematian pempengaruh, Rajeswary Appahu atau lebih dikenali sebagai Esha yang dikaitkan sebagai mangsa buli siber.

Wanita berkenaan ditemukan meninggal dunia di sebuah unit

kondominium di Setapak, Kuala Lumpur pada 5 Julai lalu, sehari selepas membuat laporan polis berhubung buli siber yang dihadapinya.

Berikutan itu, pada 16 Julai lalu, pemilik rumah kebajikan, P Shalini yang dikaitkan dengan kematian Esha didakwa di mahkamah, namun hanya dijatuhi hukuman denda maksimum RM100 oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

Dia mengaku bersalah atas pertuduhan dengan sengaja mengeluarkan kata-kata kesat menerusi akaun TikTok *alphaquinsha*, dengan tujuan membangkitkan kemarahan untuk mengganggu keamanan.

BERITA HARIAN
Tarikh... 25 JUL 2024

Utusan 25/7

Penolong pegawai tadbir MBMB didakwa terima suapan

MELAKA: Seorang penolong pegawai tadbir Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di hadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam bagi dua pertuduhan menerima barang berharga berjumlah RM2,700 daripada kontraktor sebuah syarikat pengiklanan.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Firdaus Ab. Aziz, 41,

mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh telah menerima untuk dirinya suatu barang berharga iaitu wang tunai berjumlah RM2,200 tanpa balasan daripada pengurus sebuah syarikat pengiklanan yang diketahui syarikat itu mempunyai

hubungan dengan kerja-kerja rasmi tertuduh.

Perbuatan itu dilakukan dalam daerah Melaka Tengah pada 27 Oktober 2021.

Selain itu, tertuduh turut didakwa menerima wang tunai berjumlah RM500 daripada individu dan syarikat sama di lokasi sama antara 15 hingga 31 Januari 2023.

Mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau keduanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali menawarkan jaminan RM5,000

manakala tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan rendah diberikan.

Mahkamah menetapkan jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport perlu diserahkan kepada mahkamah dan perlu melapor diri di Pejabat SPRM Melaka sebulan sekali sehingga kes selesai.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 25 JUL 2024

utusan 28/7

Bantuan tunai tidak jadikan rakyat pemalas

KUALA LUMPUR: Kerajaan menafikan pemberian wang tunai untuk membantu rakyat hanya membuatkan mereka lebih malas, sebaliknya data menunjukkan usaha itu memberi impak yang tinggi dalam merancakkan ekonomi.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) mampu merancakkan kitaran ekonomi melalui perbelanjaan dalam sektor perusahan kecil dan sederhana.

"Pemberian wang tunai bukan sahaja membantu golongan

B40, malah memberi kesan gandaan kepada industri.

"Pandangan ahli-ahli akademik dan ahli ekonomi menyokong bahawa melalui bantuan tunai, peruntukan kerajaan disuntik semula ke dalam ekonomi negara.

"Wang ini akan merangsang ekonomi dengan peningkatan barangan kerana melalui bantuan wang tunai, rakyat mampu berbelanja," katanya semasa sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tam-

bahan Senator Roderick Wong Siew Lead sama ada kerajaan bercadang meneruskan skim bantuan tunai kepada rakyat.

Dalam perutusan negara oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mei lalu, katanya, Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) diteruskan dengan peningkatan peruntukan serta jumlah penerima.

Katanya, SARA ditambah baik dengan meningkatkan peruntukan kepada RM700 juta, atau lebih lima kali ganda berbanding RM130 juta tahun

lalu selain meluaskan bilangan penerima kepada 700,000 orang dan menambah nilai bantuan kepada RM1,200 berbanding RM600.

Jelasnya, kerajaan turut menaikkan peruntukan STR daripada RM8 bilion (2023) kepada RM10 bilion (2024) yang memanfaatkan sekitar sembilan juta penerima bersamaan 60 peratus penduduk dewasa.

Bagaimanapun, SARA memerlukan penilaian kritikal tentang kesan jangka panjang supaya rakyat tidak terlalu bergantung kepada insentif tunai.

UTUSAN MALAYSIA
25 JUL 2024
Tarikh:

Gangguan bekalan air di tujuh daerah selesai Jumaat ini

25/7
Utusan

SHAH ALAM: Gangguan bekalan air melibatkan tujuh daerah di Selangor dan Kuala Lumpur dijangka selesai Jumaat ini.

Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dan LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 (SPP1, SSP2 dan SPP3) beroperasi selepas bacaan 0 ton dicatatkan tiga kali berturut-turut.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Izham Hashim berkata, empat LRA yang dihenti tugas susulan insiden pencemaran bau di Sungai Kundang, Sungai Kuang dan Sungai Sembah kembali beroperasi bermula pukul 3 petang semalam.

"Justeru, pengagihan air melibatkan LRA Rantau Panjang mula dilaksanakan bermula pukul 6 petang tadi (semalam) manakala tiga SSP pula seawal 8 pagi esok (hari ini).

"Namun, proses pengagihan itu akan dilakukan secara berperingkat mengikut kawasan dan kita jangka ia selesai sepeleluhnya Jumaat ini," katanya pada sidang akhbar khas di Bilik Gerakan Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) di sini.

Terdahulu, *Utusan Malaysia* melaporkan kira-kira 1.1 juta pengguna akaun di lebih 1,000 kawasan terjejas akibat henti tugas sementara empat LRA su-



SEORANG kanak-kanak menadah air yang disediakan Air Selangor susulan berlaku gangguan bekalan di Taman Rakyat, Klang semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

sulan insiden pencemaran bau. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) memaklumkan gangguan air tidak

berjadual itu melibatkan daerah Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: ...2.5...JUL...2024....

Kerajaan bayar RM1 bilion tuntutan pampasan MySalam

KUALA LUMPUR: Kerajaan membayar sebanyak RM936.12 juta tuntutan skim perlindungan takaful percuma, MySalam melibatkan 1.27 juta penerima manfaat bagi tempoh 2019 hingga Disember 2023.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying berkata, penerima manfaat itu melibatkan individu golongan berpendapatan rendah (B40) dan pasangan beru-

mur 18 hingga 65 tahun yang merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Katanya, pembayaran tuntutan paling tinggi adalah RM382 juta pada 2022 untuk 650,000 penerima, diikuti RM246.72 juta (365,000 penerima).

"Bayaran ini melibatkan tuntutan manfaat hospitalisasi, penyakit kritikal, pesakit di bawah siasatan, Covid-19 dan tuntutan

kos peranti perubatan," katanya semasa sesi soal jawab lisan di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Senator R. A. Lingeshwaran mengenai jumlah pampasan yang dibayar kerajaan.

Dalam pada itu, kata Hui Ying, dianggarkan lebih 10.92 juta rakyat Malaysia terdiri daripada golongan B40 layak menerima manfaat skim MySalam

tahun ini.

Katanya, Selangor mencatat jumlah penerima layak paling tinggi iaitu 1.48 juta diikuti Johor (1.34 juta) dan Sarawak (1.13 juta) dan di Kelantan seramai 825,000 orang.

Menjawab soalan Senator Datuk Seri Zurainah Musa mengenai jumlah individu yang menikmati potongan cukai insurans perubatan dan nyawa, kata Hui Ying,

secara purata jumlahnya adalah 2.14 juta setahun.

"Potongan ini memberi penjimatan bayaran cukai sebanyak RM635 juta setahun.

"Purata pembayar cukai yang menuntut potongan cukai bagi premium insurans pendidikan dan perubatan untuk tempoh sama ialah dua juta setahun dengan penjimatan cukai RM611 juta setahun," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 25 JUL 2024



Residents of Persiaran Kenanga in Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur, collecting water from an Air Selangor water tanker after water supply to more than 1,000 areas in the Klang Valley was cut due to odour pollution in Sungai Kundang and Sungai Sembah. PIC BY AIMAN HARIZ AZHAR

NOT ENOUGH WATER TO WASH DISHES

EATERIES BEAR BRUNT OF WATER CUT

Some forced to use plastic covers for plates to save water for cooking, drinks and cleaning

FATIN NURUL NAJIHAH
AND SARVEASHWARI VELOOSI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

MANY Selangor residents affected by the unscheduled water cut have chosen to eat out, but eateries are struggling to cope too.

Workers of Siti Bistro in Seksyen 7, Shah Alam, had to wrap plates with plastic covers as they did not have enough water to wash dishes.

Khaled Mohamed, 33, said the eatery's workers would keep serving customers despite the water trouble.

"We need water for cooking, cleaning and sanitation. We have to use plastic covers on plates to save water for making drinks, cooking and washing utensils.

"We can't offer the full menu or maintain cleanliness, which are crucial for customer satisfaction

and complying with health regulations," he told the *New Straits Times*.

Customer Meor Amir Faruqi Ahmad, 26, said he had to wash his face with bottled mineral water yesterday morning.

He said he felt uncomfortable going to work as he could not clean himself properly.

"I woke up this morning hoping that the water supply would be back. Unfortunately, I had to use the mineral water I bought yesterday to wash my face. I came here to eat because I couldn't cook at home."

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd said water supply had to be disrupted in more than 1,000 areas in the Klang Valley due to odour pollution in Sungai Kundang and Sungai Sembah.

At the Seksyen 7 Commercial Centre, Nazma Abdul Razak, 36, said she could not prepare breakfast and lunch before work.

"Without water, I can't cook or wash myself. I already used up two bottles of water for the toilet.

"If I buy mineral water, it would be difficult to carry them upstairs. If this continues, I will have to ask to be allowed to work from home. I will stay at my friend's place."

Nadiah Nazreen, 21, who works at a convenience store in Seksyen 22, Petaling Jaya, said

she learnt about the unscheduled water cut when customers started buying mineral water on Tuesday.

"Yesterday (Tuesday) evening, customers were buying a lot of mineral water.

"One of them told me the water supply in the area had been cut. Then more people came to buy mineral water. Now we're out of stock."

Resident Thegavathy Selvaraju, 60, said she could not give her two grandchildren a bath since there was no water supply.

"My grandchildren are 2 and 3 years old. Since the water supply stopped yesterday, I can't give them a bath or wash them after they go to the toilet.

"Adults in the house could not shower since yesterday evening. Today, we brushed our teeth and washed our face with water from the fridge."

Thegavathy said her family ate at a restaurant on Tuesday night as she could not cook.

Petaling Jaya resident Thoo Yuit Ngoh, 75, said her family had been eating out since the water disruption began.

"Luckily, we have two water tanks at home. We are using the water for the toilet sparingly.

"We decided not to cook so that we don't have to wash utensils and dishes."

DoE detains 2 over Sg Kundang and Sg Sembah pollution

KUALA LUMPUR: The Department of Environment (DoE) detained two individuals to assist in the probe into the odour pollution in Sungai Kundang and Sungai Sembah that led to water disruptions in more than 1,000 areas in the Klang Valley.

DoE director-general Datuk Wan Abdul Latiff Wan Jaffar said the suspects were being investigated under Section 25 of the Environmental Quality Act 1974 for river pollution.

It carries a jail sentence of up to five years and a fine of up to RM10 million if convicted.

He said the source of the odour pollution was a poly metha acrylic acid leak from a storage tank. The chemical has a pungent smell.

"The spill flowed into the premises' drain, then into the main road's drain and finally into Sungai Kuang.

"Sungai Kuang flows into Sungai Kundang, then into Sungai Sembah and Sungai Selangor."

He said the DoE had issued an order to the operator of the premises to clean the area, affected drains and tributaries.

"This was completed yesterday (Tuesday) afternoon by a contractor licensed by the department."

Wan Latiff said three samples of evidence had been taken and submitted to the Chemistry Department for composition determination and matching tests.

"DoE has sealed the premises' operating area and equipment with an Equipment Operation Seizure Notice under Section 38(1)(a) of the Environmental Quality Act 1974 until the investigation is completed."

Earlier, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) said all four water treatment plants that were temporarily halted due to the odour pollution had resumed operations.

The water disruption affected more than 1,000 areas in Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor



The spill flowed into the premises' drain, then into the main road's drain and finally into Sungai Kuang.

DATUK WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR

Department of Environment
Director-General

and Kuala Selangor.

Meanwhile, Air Selangor said the recovery of water supply in affected areas is expected to reach 40 per cent by 8am yesterday and 90 per cent 12 hours later.

Water supply in the affected areas is expected to fully recover by 8am on Friday.

Air Selangor has been mobilising water tankers to critical premises such as hospitals, clinics, dialysis centres and funeral service centres.

Consumers can obtain information on this water supply disruption from time to time through Air Selangor's official communication channels <https://waterupdates.airselangor.com/> or on their social media platforms such as Facebook, Instagram, and X; Air Selangor's Call Centre at 15300, or visit <https://www.airselangor.com/>.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh:2..5..JUL..2024...

Water cuts in Selangor to be resolved by tomorrow

SHAH ALAM: The water disruption affecting seven districts due to odour pollution detected in several rivers in Selangor is expected to be fully resolved by tomorrow.

Selangor Infrastructure and Agriculture Committee chairman Izham Hashim said water supply in some affected areas was expected to be restored at 8am yesterday following the full operation of all water treatment plants (WTP) involved.

"The Rantau Panjang WTP and Sungai Selangor Phase 1, 2 and 3 WTP resumed full operation at 3pm yesterday. Water distribution from the Rantau Panjang WTP began at 6pm on Tuesday while the three

► Treatment plants resumed operation yesterday, most users will regain supply within 24 hours: Exco member

other WTP were expected to start at 8am yesterday.

"Residential areas with low water pressure may take a bit longer but most users will receive water supply within 24 hours," he said during a special press conference on the issue here on Tuesday.

He added that the premises causing the water contamination by discharging waste into the river has been issued a compound notice by

the Selayang Municipal Council, Bernama reported.

It was reported that poly methacrylic acid contamination due to a leak from a plastic factory tank in Kuang, Selangor has been identified as the cause behind the shutdown of four WTP in the Klang Valley.

Selangor Public Health and Environment Committee chairman Jamaliah Jamaludin said the odour

pollution detected on Monday was traced back to the factory, which is believed to be processing acrylic materials for recycling.

She said the odour of acid in the air and foamy flow in Sungai Kuang was detected along Jalan Kampung Orang Asli.

She added that the Selangor Water Management Board activated a "Code Yellow" according to the Water Source Pollution Emergency Manual for investigation, prevention and mitigation actions.

"The board has also coordinated with the Selangor Environment Department and the Selayang Municipal Council to address the issue."

THE SUN
25 JUL 2024

Tarikh: